

Malaysia dijangka alami masalah bekalan air berikutan musim panas yang berlarutan

# Bahang kemarau hingga September

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**TUARAN** – Rakyat Malaysia terpaksa hidup sengsara dalam bahang kepanasan untuk tempoh lima bulan lagi apabila negara dijangka terus mengalami kemarau yang didakwa angin Monsun Barat Daya mulai bulan Mei hingga September ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, selepas empat bulan Malaysia negara dilanda panas melampau, musim kering yang dibawa Monsun Barat Daya bakal menyebabkan negara mengalami masalah bekalan air yang semakin meruncing.

Antara penduduk yang dijangka terjejas akibat penurunan ketara empangan di negeri masing-masing ialah Perlis, Kedah, Perak dan Johor.

“Masyarakat harus faham bahawa cuaca panas yang dialami kini adalah disebabkan fenomena El Nino yang bermula pada akhir tahun lalu.

“Kemuncak bagi El Nino ini pada bulan Februari lalu dan sekarang ini ia menjadi sederhana sebelum El Nino



SEORANG pengunjung, Amirul Shah Umor yang sedang bercuti hairan melihat kolam tadahan air Bukit Merah kering akibat fenomena El Nino di Bukit Merah, Taiping, Perak semalam.



EMPANGAN Timah Tasoh, Perlis adalah antara yang paling teruk terjejas akibat cuaca panas melampau sejak awal tahun ini.

Tiupan Angin Monson Barat Daya dari Sumatera, Indonesia



UTM, Prof. Madya Edy Tonizam Mohamad, tiupan angin Monsun Barat Daya akan menyebabkan Malaysia mengalami musim kemarau kerana angin tersebut tidak membawa wap air dan awan sekali gus mengakibatkan negara kekurangan hujan.

“Kali terakhir fenomena ini berlaku adalah pada tahun 1998 dan tahun ini ia berulang kembali melanda negara sehingga menyebabkan negara mengalami kemarau termasuk berlakunya jerebu yang

## INFO

### Angin Monsun

#### Monsun Barat Daya

- Monsun Barat Daya bermula pada pertengahan bulan Mei atau awal bulan Jun dan tamat pada akhir September.
- Kelajuan angin di bawah 15 knot dan tempoh bertiup dari April hingga November. Ia boleh mencapai kelajuan lebih 20 knot terutama di kawasan barat laut pantai Sabah dan Sarawak.

beransur lemah dan menjadi neutral pada bulan Jun.

"Namun, kita menghadapi satu lagi musim kering iaitu perubahan angin Monsun Timur Laut ke Monsun Barat Daya yang bermula Mei hingga September ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan penutupan Program Inovasi Pendidikan Pusat Sains Negara di sini semalam.

Menurut beliau, perubahan monsun itu juga mengakibatkan udara panas dan jerebu berikutan angin bertiup dari Barat Daya yang membawa

segala asap dari Sumatera, Indonesia ke arah Malaysia.

Ujarnya, keadaan dijangka beransur pulih apabila musim tengkujuh melanda negara bermula Oktober hingga Disember tahun ini.

"Justeru, kita melakukan pembenihan awan setiap hari dengan matlamat bagi memastikan empangan air kita mencukupi dan mampu beroperasi pada tahap selamat untuk kegunaan orang ramai," katanya.

*Kosmo!* pada 10 Mac lalu turut melaporkan seorang pakar cuaca, Pensyarah Kanan

Fakulti Geoinformasi dan Hartanah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr. Othman Zainon meramalkan Malaysia dijangka mengalami musim kemarau lebih panjang selepas fenomena gerhana matahari awal Mac lalu.

Dalam kajiannya, beliau mendapati fenomena musim panas melampau dan gerhana matahari berkait rapat dengan tarikan graviti bulan dan matahari pada permukaan laut.

Dalam pada itu, menurut Pengarah Pusat Geotropika Fakulti Kejuruteraan Awam

datang daripada pembakaran hutan di Indonesia," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, di **Johor Bahru**, Dr. Othman berkata, musim kering dan panas dijangka berlarutan sehingga tahun depan sekiranya Malaysia tidak menerima taburan hujan yang mencukupi sehingga November ini.

"Jika fenomena El Nino masih berlaku hingga November ini bermaksud kita tidak mempunyai taburan hujan yang mencukupi terutama di kawasan tadahan hujan," katanya.

● Asal angin Monsun Tenggara iaitu dari Australia dan New Zealand.

#### Monsun Timur Laut

- Monsun Timur Laut bermula pada awal November dan berakhir pada Mac.
- Kelajuan angin antara 10 hingga 20 knot dan boleh mencapai 30 knot terutamanya di negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

## Paras air di empangan semakin kritikal

**KUALA LUMPUR** - Musim panas yang melanda Malaysia menyebabkan paras air di banyak empangan di seluruh negara berada pada tahap kritikal.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ismail Kasim berkata, paras empangan yang mengalami kemerosotan mendadak setakat ini berlaku di Pahang, Perak, Kedah, Perlis dan Johor.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini catuan air hanya dilaksanakan di

dua daerah iaitu di Kota Tinggi dan Mersing, namun bekalan air secara keseluruhannya di Johor masih belum diklasifikasikan kritikal.

"Setakat semalam, paras empangan air yang mengalami gangguan dan berada di tahap kritikal adalah disebabkan oleh pengurangan pengeluaran air terawat akibat cuaca panas dan kering.

"Namun orang ramai tidak perlu bimbang kerana bekalan air yang dipam setakat ini masih mencukupi," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.



ISMAIL

### INFO

#### Empangan Kritikal

Lokasi	Peratus simpanan air
<b>Perlis</b>	
● Empangan Timah Tasoh	13.88%
<b>Perak</b>	
● Empangan Bukit Merah	14.15%
<b>Negeri Sembilan</b>	
● Empangan Ulu Sepri (Batu Hampar)	51.94%
● Empangan Gemencheh	20.05%
<b>Johor</b>	
● Empangan Lebam, Kota Tinggi	25.59%
● Empangan Congok, Mersing	38.13%
● Empangan Layang, Pasir Gudang	19.51%
● Empangan Labong, Mersing	10.33%